

18/02/1997

Dr Mahathir dapat hadiah istimewa

KOTA KINABALU, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di sini petang ini, dihadiahkan seekor kuda oleh Persatuan Polo Sabah, sebagai penghargaan kerana minat Perdana Menteri terhadap sukan berkuda.

Kuda jantan berusia tiga setengah tahun itu diserahkan oleh Presiden Persatuan Polo Sabah, Datuk Abdul Ghani Rashid, kepada Perdana Menteri pada satu majlis ringkas di sebuah hotel, di sini.

Turut hadir pada majlis itu Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee; menteri Kabinet negeri serta pegawai kanan kerajaan negeri dan Persekutuan.

Ketika ditemui kemudian, Abdul Ghani berkata, kuda bernama Farahz itu dihadiahkan oleh persatuan sebagai penghargaan kepada Perdana Menteri yang sememangnya minat sukan berkuda.

Terdahulu, ketibaan Perdana Menteri di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu disambut Yong dan isteri, Datin Stella; beberapa menteri Kabinet negeri; serta pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah. Pesawat khas Perdana Menteri tiba jam 5.10 petang.

Malam ini, Perdana Menteri menghadiri jamuan makan malam bersama Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai dan isteri, Toh Puan Siti Rukaiyah Panglima Abdullah di Istana Negeri.

Selepas itu, Dr Mahathir berangkat ke Teluk Likas untuk perasmian bangunan Pusat Perdagangan Sabah (STC) dan menghadiri perayaan berkembar Aidilfitri dan Tahun Baru Cina bersama rakyat Sabah.

Pagi esok, Perdana Menteri akan mengadakan perjumpaan dengan Badan Perhubungan Umno Sabah dan pemimpin masyarakat bukan Islam. Sementara pada tengah hari, beliau akan melancarkan Le Tour de Langkawi di STC dan seterusnya menghadiri jamuan tengah hari bersama peserta perlumbaan itu.

(END)